

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 JULAI 2023  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 39

Makin ramai pekerja tempatan minat sektor 3D-Rafizi

# Makin ramai pekerja tempatan minat sektor 3D - Rafizi

Oleh MOHD. HUSNI  
MOHD. NOOR  
ekonomi@utusan.com.my

**PUTRAJAYA:** Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli mendedahkan lebih 10,000 pekerja tempatan berminat untuk bekerja dalam sektor pekerjaan 3D (kotor, bahan dan sukar) di negara ini.

Menurutnya, data itu diperolehi menerusi dapatan program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang dilaksanakan Kementerian Ekonomi ketika ini.

"Cuma kami dapat agak sukar meyakinkan majikan dan industri 3D untuk beralih daripada menggunakan pekerja asing kepada pekerja tempatan.

"Yang nak jadi itu (pekerja) ramai. Setakat ini orang kata pekerja tempatan tidak suka ceburi sektor kerja 3D, itu tidak betul.

"Tapi bila kita mahu yakin kan industri, alasan yang mereka bagi ialah mereka kata sudah



RAFIKI Ramli melancarkan Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah Malaysia 2022 di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

ada pekerja asing," katanya pada sidang akbar selepas melancarkan Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah Malaysia 2022 di sini, semalam.

Katanya, beliau memahami bahawa setiap program dalam IPR bergantung kepada pen-

erimaan pemegang taruh (majikan).

Dalam pada itu, Rafizi berkata, beliau sedang berbincang untuk memperluas program IPR kepada sektor perkhidmatan termasuk pusat asuhan kanak-kanak.

"Kita mahu mendapatkan lebih ramai peserta dalam kalan-gan golongan B40 dan miskin tegar untuk menjadi operator pusat asuhan kanak-kanak.

"Setakat ini, kami menerima sambutan yang baik daripada industri dan peserta mengenai program itu.

"Cuma saya ingin jelaskan bahawa beban besar kini berada pada bahu Kementerian Ekonomi untuk menyediakan semua kemudahan bagi menggerakkan setiap elemen dalam IPR itu," katanya.

Katanya, buat masa ini, hanya 20 orang kakitangan yang menguruskan program IPR itu yang pada masa sama turut mengendalikan lebih 80,000 permohonan untuk menyertai program itu.

Rafizi berkata, setakat ini, model IPR itu adalah model terbaik bagi menambah pendapatan rakyat cuma giliran dan tapisan untuk menyertai program itu agak panjang.